

Bahan Binaan Bagi Kegunaan Projek-Projek Kerajaan, borang Arahan Hantaran Tempatan (D.O.) dan borang Inbois Jualan.²

- (m) Bayaran terus kepada beberapa Subkontraktor/Pembekal Pakar dibenarkan apabila Perjanjian Penyerahan Hak dengan Kontraktor di meterai dan setelah Kerajaan memberi persetujuan kepada permohonan kontraktor berhubung dengan penyerahan hak tersebut. Borang-borang yang hendak digunakan adalah seperti di Lampiran 15H dan 15J³.
- (n) Jika bayaran disyorkan tidak mencukupi untuk membayar Sub-kontraktor dan Pembekal Dinamakan, Pemegang Serah Hak dan Kontraktor, bayaran mestilah diagihkan dengan merujuk kepada Kontraktor Utama untuk mendapatkan persetujuan pengagihan tersebut.
- 15.3.4 Mengikut Kehendak Kontrak, penilaian interim perlu dibuat sekurang-kurangnya sekali sebulan (atau lebih kerap atas persetujuan P.P.). Nilai minimum bagi bayaran interim pertama dan bayaran interim seterusnya hendaklah ditetapkan pada nilai RM1,000 bagi semua projek⁴. Nilai tersebut meliputi Nilai Kerja yang dilaksanakan dan 90% daripada-nilai bahan atau barang-barang takpasang dan bagi bahan atau barang-barang takpasang mekanikal dan elektrikal di antara 75% hingga 90% mengikut budibicara P.P.⁵.
- 15.3.5 Apabila syarat nilai minimum dipenuhi, Perakuan Interim pertama boleh dikeluarkan dan bayaran dibuat walaupun Dokumen Kontrak masih lagi belum ditandatangani. Walau bagaimanapun, untuk membolehkan bayaran tersebut dibuat, beberapa syarat mestilah dipenuhi iaitu :⁶
- Kontraktor mestilah telah mengembalikan Surat Setujuterima Tender yang ditandatangani dan disaksikan, menyerahkan Bon Pelaksanaan (sekiranya berkaitan) dan segala Polisi Insurans yang wajib.
 - Perakuan Interim dan baucar bayaran mesti disertakan bersama salinan dokumen berikut yang diakui sah:

² Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 15/89 bertarikh 4.12.89

³ Surat Arahan KPKR bil(8) KPKR.020.050/03 klt.5 bertarikh 4.1.2002 serta bil. 4/2008 bertarikh 1.8.2008 dan SPP Bil. 4/2003

⁴ Surat Arahan KPKR Bil. (28) dlm. KPKR.020.050/03 klt.4 bertarikh 15 Oktober 2001

⁵ Surat Arahan KPKR Bil. 2/1996 bertarikh 19 Ogos 1996

⁶ Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 tahun 1985 bertarikh 6.8.85